

Kempen "Jom Labur Online!" ("Kempen")

Terma dan Syarat Kempen

Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran: 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini bermula pada 01 Mac 2022 dan berakhir pada 31 Disember 2022 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlaknyanya.
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang unit ASNB sedia ada dan baharu kecuali semua kakitangan dan keluarga terdekat kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("PNB") termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan PNB, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Pendaftaran 198801008611 (175967-W)), PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (No. Pendaftaran 200001015384 (517991-A)), PNB Research Institute Sdn. Berhad (No. Pendaftaran 198501007000 (139442-U)), dan juga mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
4. Kesemua pemegang unit ASNB sedia ada dan baharu semasa Tempoh Kempen yang mempunyai pegangan unit di dalam mana-mana tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNB adalah dikira sebagai pemegang unit berdaftar dan layak dikira penyertaannya di dalam Kempen ini ("Peserta").
5. Kempen ini terbahagi kepada dua (2) kategori pelaburan dan pendaftaran myASNB iaitu:
 - (i) Kategori Bulanan

Untuk layak dalam Kategori Bulanan, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

 - (a) Peserta membuat pelaburan minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) dalam mana-mana tabung unit amanah yang diuruskan oleh ASNB dalam Tempoh Kempen.
 - (b) Pelaburan adalah dalam berbentuk tunai melalui platform pelaburan ("Platform") berikut:
 1. myASNB iaitu portal (www.myasnb.com.my) dan aplikasi mudah alih;
 2. Perbankan internet ejen-ejen yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;

3. Mana-mana 'Automated Teller Machine' (ATM) yang menawarkan transaksi unit amanah ASNB;
4. Mesin kiosk di cawangan-cawangan ASNB; atau
5. Lain-lain saluran dalam talian yang akan disediakan pada masa akan datang untuk membeli unit amanah ASNB atau seperti yang dinyatakan di laman web ASNB (www.asnb.com.my).

(ii) Kategori myASNB "Pay Day"

Untuk layak dalam Kategori myASNB "Pay Day", Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Peserta membuat pelaburan minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) dari 25 haribulan hingga pada hari terakhir untuk bulan tersebut, iaitu pada 30 haribulan (bagi bulan-bulan April, Jun, September dan November) dan 31 haribulan (bagi bulan-bulan Mac, Mei, Julai, Ogos, Oktober dan Disember) setiap bulan dalam Tempoh Kempen.
- (b) Pelaburan mestilah dalam bentuk tunai melalui portal myASNB dan/atau aplikasi telefon.

(iii) Pendaftaran myASNB

Untuk layak dalam Pendaftaran myASNB, Peserta mesti memenuhi syarat berikut:

- (a) Peserta yang belum mempunyai myASNB dan membuat pendaftaran myASNB dalam Tempoh Kempen.

Mekanisme Kempen

1. Kategori Bulanan

- (i) Apabila Peserta layak menyertai Kempen dengan membuat pelaburan minimum bagi Kategori Bulanan, Peserta layak untuk cabutan rawak Pemenang Kempen ("Pemenang") melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB bagi memenangi hadiah yang ditawarkan setiap bulan.

2. Kategori myASNB "Pay Day"

- (i) Apabila Peserta layak menyertai Kempen dengan membuat pelaburan minimum bagi Kategori myASNB "Pay Day", Peserta layak untuk cabutan rawak Pemenang melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB bagi memenangi hadiah yang ditawarkan setiap bulan.
- (ii) Pemenang kategori ini akan dipilih daripada transaksi pelaburan layak yang dibuat antara tarikh 25 haribulan dan hari terakhir bulan tersebut, iaitu pada 30 haribulan

(bagi bulan-bulan April, Jun, September dan November) dan 31 haribulan (bagi bulan-bulan Mac, Mei, Julai, Ogos, Oktober dan Disember).

3. Pendaftaran myASNB

- (i) Hanya Satu Ribu (1,000) Peserta terawal yang melakukan pendaftaran myASNB dalam Tempoh Kempen setiap bulan layak mendapat tawaran unit percuma.

Hadiah dan Pemilihan Pemenang

1. Kempen ini menawarkan hadiah-hadiah bulanan seperti berikut:

a) Kategori Bulanan

- i) Pemenang akan dipilih berdasarkan transaksi pelaburan layak yang dilakukan Peserta pada setiap bulan melalui cabutan rawak oleh sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB.
- ii) Peserta hanya layak untuk memenangi SATU (1) kali hadiah Kategori Bulanan sepanjang Tempoh Kempen.
- iii) Hadiah ditawarkan adalah bermula dari bulan Mac hingga bulan Disember 2022.
- iv) Hadiah dan bilangan Pemenang untuk Kategori Bulanan adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Bilangan Pemenang Bulanan	Hadiah
5 Pemenang	"Target Investment Plan" bertempoh 2 tahun bernilai Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00)*

*Amaun ini tertakluk kepada tempoh kontrak pelan pelaburan yang mana hadiah perlu dikekalkan dalam akaun Pemenang selama 2 tahun.

b) Kategori myASNB "Pay Day"

- (i) Pemenang akan dipilih berdasarkan transaksi pelaburan layak yang dilakukan Peserta pada setiap bulan melalui cabutan rawak oleh sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB.

- (ii) Peserta layak untuk memenangi SATU (1) kali hadiah Kategori myASNB "Pay Day" sepanjang Tempoh Kempen.
- (iii) Hadiah ditawarkan adalah bermula dari bulan Mac hingga bulan Disember 2022.
- (iv) Hadiah dan bilangan Pemenang untuk Kategori myASNB "Pay Day" adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Bilangan Pemenang Bulanan	Hadiah
10 Pemenang	Jam Pintar Amazfit GTS 3

c) Pendaftaran myASNB

- (i) Terbuka kepada Peserta yang belum mempunyai myASNB dan membuat pendaftaran myASNB dalam Tempoh Kempen.
- (ii) Satu Ribu (1,000) Peserta terawal setiap bulan yang melakukan pendaftaran myASNB dalam Tempoh Kempen layak mendapat tawaran unit percuma seperti Jadual 3 di bawah:

Jadual 3

Bilangan Pemenang Bulanan	Hadiah
1,000 Pemenang	Unit Percuma bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00)

2. Semua Pemenang hanya layak untuk satu (1) jenis kategori hadiah sahaja, sama ada Kategori Bulanan atau Kategori myASNB "Pay Day", sepanjang Tempoh Kempen.
3. Semua hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilainya tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan pelaburan ke atas Pemenang atas sebab-sebab tertentu dan atas budi bicara mutlaknya.
4. Untuk menebus hadiah unit amanah yang dimenangi, Pemenang perlu mempunyai akaun dalam mana-mana tabung unit amanah ASNB. Pelaburan permulaan dan/atau caj berkaitan yang perlu untuk menebus hadiah adalah ditanggung oleh Pemenang.
5. Hadiah unit percuma bulanan untuk Pendaftaran myASNB akan dikreditkan ke dalam akaun unit amanah Pemenang selepas TIGA (3) bulan dari Tempoh Kempen berakhir, tertakluk kepada unit tabung unit amanah yang masih ada.

6. Sekiranya seseorang Pemenang tidak memberi maklum balas dan/atau memenuhi sebarang keperluan berkaitan urusan hadiah dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, ASNB berhak membatalkan kemenangan tersebut.
7. Senarai Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian dan akan disiarkan di laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau platform media sosial yang diuruskan oleh ASNB.

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar Peserta dan/atau Pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua Pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, endemik, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini pada bila-bila masa.
6. ASNB berhak untuk menarik semula/membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen.
7. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.

8. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
9. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
10. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

28/02/2022